

SINAR HARIAN 14/11/2014



Pembimbing menunjukkan cara solat yang betul kepada peserta yang mengikuti program Smart Solat di Kampung Lembah Bidong.

## KLKM rangsang pelajar ke IPT

**LEMBAH BIDONG** – Kumpulan Latihan Kelana Mahasiswa Malaysia (KLKM) Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) mengambil inisiatif mengadakan program khidmat komuniti kepada masyarakat luar bandar.

Program yang diadakan di Kampung Lembah Bidong itu bertujuan menjadikan penuntut universiti sebagai idola kepada anak di luar bandar, sekali gus merangsang mereka untuk turut menjejak kaki ke menara gading suatu hari nanti.

Pesuruhjaya KLKM Unisza, Sajulia Ahmad berkata, mahasiswa yang terlibat akan berkongsi pengalaman mereka dan cara itu secara tidak langsung memberi semangat kepada peserta untuk bergelar pe-

nuntut universiti.

"Pengisian program pada kali ini adalah Smart Solat, di mana ia mendapat kerjasama, Kementerian Pendidikan (KPM) dan peserta diberi pendedahan mengenai cara solat dan bacaan dalam solat dengan betul.

"Kita berharap dengan adanya program sebegini mampu membentuk pelajar yang dapat menunaikan solat mengikut rukun dan bacaan yang betul bagi memastikan solat ditunaikan sempurna," katanya.

Menurutnya, KLKM Unisza merancang untuk melaksanakan lebih banyak program bersifat keagamaan dalam usaha melahirkan pelajar yang bukan sahaja cemerlang dalam pendidikan, sebaliknya turut mempunyai ilmu agama tinggi.